

### **BAB 3: PERANAN AUSTRALIA DALAM KONFLIK PAPUA BARAT**

#### **3.1 PENGENALAN**

Sebagai sebuah negara yang kebanyakan populasinya diduduki oleh orang Eropah, kedudukan geografi Australia di Pasifik Selatan kadangkala menimbulkan keadaan yang tidak selesa kepada pembuat keputusan di Canberra. Selain New Zealand yang juga didiami oleh kebanyakan orang Eropah, komposisi penduduk jiran-jiran Australia di rantau Pasifik Selatan dan Asia Tenggara tidak merupakan orang Eropah. Komposisi penduduk sedemikian menyebabkan wujudnya perbezaan budaya yang ketara antara Australia dengan jiran-jiran mereka. Tambahan pula, dasar-dasar Australia yang lebih pro-Barat dalam sesetengah isu telah menimbulkan rasa tidak percaya di kalangan jiran Australia terhadap mereka. Hubungan Australia-Indonesia merupakan contoh terbaik dalam perbezaan persepsi dan budaya dalam hubungan Australia dengan negara-negara Asia Tenggara.

Indonesia yang merupakan negara terbesar di rantau ini, di samping mempunyai populasi Muslim terbesar di dunia, sentiasa dianggap sebagai musuh yang berpotensi oleh Australia di rantau ini. Bagi Indonesia pula, mereka sering meragui motif sebenar Australia yang begitu aktif dalam hal ehwal dan perkembangan di Indonesia, kerana mengkhawatiri Australia yang pro-Barat ingin mencampuri hal ehwal dalaman mereka, seperti dalam peristiwa Timor Timur yang berakhir dengan kemerdekaan wilayah bergolak itu. Dari lapisan rakyat pula, rakyat kedua-dua negara juga dilihat tidak mempunyai pandangan yang baik terhadap satu sama lain. Pandangan kebanyakan orang Australia terhadap Indonesia masih berhenti di zaman Suharto yang memperlihatkan negara itu diselubungi dengan masalah seperti rasuah, pencabulan hak

asasi manusia, sistem politik yang diktator, dan telah mengabaikan bahawa Indonesia pada zaman pasca Suharto telah mengalami perubahan yang begitu drastik dan telah muncul sebagai negara demokrasi yang menawarkan pentadbiran yang semakin baik. Perasaan negatif ini berlanjutan dalam konflik Papua Barat, di mana orang Australia mempercayai Indonesia melakukan pelbagai penindasan terhadap orang Papua Barat untuk memperkukuhkan penguasaan mereka di kawasan itu; sementara orang Indonesia mempercayai penglibatan aktif orang Australia dalam isu Papua Barat adalah untuk memisahkan wilayah ini dari Indonesia, sama seperti dengan apa yang mereka lakukan terhadap Timor Timur.

Bagi kerajaan Australia, dakwaan ini adalah tidak benar, kerana bagi mereka, Papua Barat yang kekal dengan Indonesia adalah lebih menepati kepentingan mereka, kerana kemerdekaan Papua Barat akan menyumbang kepada masalah seperti pergolakan hubungan dua hala Australia-Indonesia, ketidakstabilan serantau, dan juga masalah susulan seperti Indonesia akan menjadi berpecah-belah dengan munculnya negara-negara baru yang merdeka dari gagasan Indonesia yang asal. Perpecahan ini akan menyulitkan sistem pertahanan Australia, di samping mereka terpaksa membelanjakan lebih kos dan masa untuk berurusan dengan negara-negara yang kecil. Indonesia tidak mempercayai Australia mempunyai pendirian sedemikian, kerana perkara yang berlaku di Timor Timur adalah pengajaran yang pahit bagi mereka, di samping menguatkan lagi perasaan tidak percaya terhadap Australia yang menebal sejak sekian lama lagi.

Bab ini akan membincangkan sistem politik parti Australia, dasar Australia terhadap Asia Tenggara, kepentingan strategik Australia di Papua Barat, dasar luar dan dasar pertahanan Australia terhadap Papua Barat. Analisis-analisis ini adalah penting untuk mengetahui apakah elemen yang terkandung dalam kepentingan Australia, yang

mendorong mereka merangka dasar-dasar Papua Barat yang memenuhi kepentingan mereka. Selain itu, persepsi orang Australia terhadap Indonesia turut dikaji, untuk mengenal pasti bagaimana pendirian rakyat Australia mempengaruhi pembuat keputusan di Canberra.

### **3.2 PERBEZAAN IDEOLOGI PARTI BURUH DAN PAKATAN LIBERAL**

Sebagai sebuah negara demokratik, Australia mengadakan pilihanraya setiap tiga tahun untuk memilih kerajaan yang baru. Australia memiliki sistem dua parti yang stabil, di mana parti Buruh dan pakatan *Liberal* sering berganti untuk menerajui pemerintahan di Canberra. Untuk mengkaji dasar luar Australia, antara faktor utama yang harus diambil kira adalah perbezaan dasar luar yang diamalkan oleh kerajaan *Liberal* dan parti Buruh. Perbezaan dasar-dasar luar yang diamalkan oleh kedua-dua parti ini kadangkala membawa kepada perbezaan yang ketara dalam hasilnya, kerana kedua-dua parti mempunyai ideologi yang berbeza, dan menyebabkan pertukaran haluan dalam pelaksanaan dasar-dasar luar apabila berlaku pertukaran kerajaan. Selepas Perang Dunia Kedua, parti Buruh dan *Liberal* silih berganti menerajui tampuk pemerintahan Australia.

Parti Buruh menjadi kerajaan di bawah pimpinan Chiffey (1945-1949), Whitlam (1972-1975), Hawke (1983-1991), Keating (1991-1996), Rudd (2007-2010), dan Gillard semenjak tahun 2010. Pakatan *Liberal* pula menubuhkan kerajaan ketika era Menzies (1949-1966), Holt (1966-1967), Gorton (1968-1971), McMahon (1971-1972), Fraser (1975-1983), Howard (1996-2007). Bagi Parti Buruh, keutamaan mereka dalam dasar luar adalah lebih mengutamakan Asia daripada Barat. Pada tahun 2011, *Australian Journal of International Affairs* telah menerbitkan dua artikel yang masing

masing ditulis oleh jurucakap parti Buruh dan pakatan *Liberal* untuk menyatakan pendirian dasar luar mereka. Bagi parti Buruh, dasar luar utama mereka adalah “tiada isu dasar luar yang lebih penting bagi Australia, selain daripada meningkatkan penglibatan dengan Asia” kerana mereka percaya pasaran dan keselamatan Australia adalah bergantung kepada hubungan mereka dengan negara serantau.<sup>1</sup> Keutamaan dasar luar Australia harus diberikan terhadap Indonesia kerana keamanan negara yang memiliki 220 juta penduduk ini juga merupakan kepentingan Australia.<sup>2</sup> Jelas terbukti, negara Indonesia dan Asia Tenggara mempunyai lebih banyak saat manis dengan Australia apabila parti Buruh menjadi kerajaan Australia, seperti Suharto mempunyai hubungan peribadi yang akrab dengan Keating yang kemudiannya turut membantu merencanakan hubungan dua hala. Hubungan Australia dan Indonesia serta negara serantau juga kembali kurang tegang selepas parti Buruh kembali menubuhkan kerajaan persekutuan pada tahun 2007.

Bagi pakatan *Liberal*, keutamaan dasar luar mereka adalah lebih pro Barat, dan pendekatan ini kurang disenangi oleh negara serantau, kerana mereka beranggapan Australia tidak banyak berbeza dengan kebanyakan negara Barat lain yang suka memberi tunjuk ajar mengenai hal ehwal dalaman negara mereka dan menganggap ia sebagai mencampuri hal ehwal dalaman mereka. Pandangan sedemikian begitu terserlah dalam isu kemerdekaan Timor Timur, di mana kebanyakan orang Indonesia adalah tidak menyenangi tindakan Perdana Menteri Australia John Howard yang mencadangkan supaya orang Timor Timur diberi peluang untuk memilih sama ada untuk merdeka atau terus kekal dengan Indonesia, yang pada akhirnya telah menyebabkan Timor Timur hilang dari penguasaan Indonesia. Meskipun campur tangan Australia dalam kemerdekaan Timor Timur tidak disenangi oleh Indonesia dari pelbagai aspek, namun

---

<sup>1</sup> Laurie Brereton, “The Outlook for Australian Foreign Policy: a Labor Perspective,” *Australian Journal of International Affairs* Vol.55, No.3 (2001): 344.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 346.

Australia menganggap peranan Australia di Timor Timur adalah berjaya kerana membantu dalam menyelesaikan satu masalah serantau yang berpanjangan.<sup>3</sup> Tidak dinafikan krisis di Timor Timur memerlukan penyelesaian, dan pasukan pengawal keselamatan berjaya mengembalikan keamanan selepas pungutan suara yang diadakan pada tahun 1999, namun bagi ramai pihak, cara penyelesaian Australia adalah tidak bijak kerana Howard terlalu “terus-terang” memberikan cadangan dan tindakan ini dilihat sebagai keterlaluan.

Brereton turut membidas kenyataan Perdana Menteri Howard yang menegaskan bahawa “rakyat Australia tidak perlu memilih antara sejarah dan geografi kita” dengan mengekalkan hubungan yang erat dengan AS dan Eropah sementara memastikan hubungan dengan Asia juga adalah baik.<sup>4</sup> Walaupun Howard berusaha memperbaiki hubungannya dengan Indonesia terutamanya pada tempoh akhir jawatannya dan juga permulaan pemerintahan Presiden Susilo, namun kesilapannya seperti membenarkan pelarian Papua Barat menerima perlindungan pada tahun 2006 sebenarnya memberi kesan kepada hubungan dua hala dan ia agak sukar untuk diperbaiki meskipun pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan Australia. Howard turut dilihat tidak berhati-hati dalam mengimbangi hubungan mereka dengan negara Barat dan Asia, kerana hubungan yang terlalu rapat dengan negara Barat di samping campur tangannya dalam hal ehwal negara Asia (seperti krisis di Timor Timur) menjadikan negara seperti Indonesia sentiasa berwaspada dengan niat sebenar Howard, terutamanya apabila Howard mengeluarkan kenyataan ingin menjadi “timbang ketua polis” (*deputy sheriff*) di rantau ini.

---

<sup>3</sup> Alexander Downer, “Australian Foreign Policy – a Liberal Perspective,” *Australian Journal of International Affairs*, Vol.55, No.3 (2001): 338.

<sup>4</sup> Laurie Brereton, “The Outlook for Australian Foreign Policy: a Labor Perspective,” 344-345.

Meskipun Liberal dilihat lebih pro-Barat, namun Indonesia tetap menjadi keutamaan dalam pertimbangan dasar luar mereka. Downer berpendapat Indonesia yang beralih dari sistem authoritarian ke demokrasi menjadikan hubungan Australia dan Indonesia menjadi lebih kompleks, namun ia sebenarnya menjadikan Australia lebih senang berurusan dengan Indonesia.<sup>5</sup> Dari satu sudut yang lain, kedua-dua parti Buruh dan pakatan *Liberal* sebenarnya memandang berat terhadap hubungan mereka dengan Indonesia, cuma mereka mengamalkan pendekatan yang berbeza. Parti Buruh lebih ingin mendekati Indonesia dengan mengadakan kerjasama di samping membantu negara ini berkembang, manakala pakatan *Liberal* dilihat lebih suka mengadakan dasar-dasar yang mengekang Indonesia dan ia ditafsir sebagai langkah-langkah yang tidak mesra oleh kerajaan Indonesia.

### **3.3 DASAR LUAR AUSTRALIA TERHADAP ASIA TENGGARA**

Dalam Kertas Putih Pertahanan 2009, Asia Tenggara diakui sebagai bukan merupakan ancaman keamanan atau punca kepada peningkatan kuasa ketenteraan, manakala serangan keganasan di rantau ini mungkin akan menggugat kepentingan Australia dan rakyatnya dan perkara ini akan menjadi perhatian Australia.<sup>6</sup> Sebagai jiran kepada Australia di bahagian Utara, Asia Tenggara mempunyai kepentingan strategik dari pelbagai aspek, antaranya, ia mungkin dijadikan sebagai kekangan musuh untuk menghalang sumber penting seperti petrol sampai ke Australia, menjadikan ia sebagai tempat untuk melancarkan serangan ke Australia, dan ini menjadikan Asia Tenggara penting dalam strategik Australia.<sup>7</sup> Lebih-lebih lagi, apabila Australia berjiranan dengan negara-negara Asia Tenggara yang kebanyakannya melihat Australia sebagai negara yang tidak mesra dengan mereka, bagaimana mengadakan kerjasama dalam usaha

---

<sup>5</sup> Alexander Downer, "Australian Foreign Policy – a Liberal Perspective," 339.

<sup>6</sup> Department of Defence, *Defending Australia in the Asia Pacific Century: Force 2030* (Canberra: Australian Government, 2009), 34-35.

<sup>7</sup> *Ibid.*, 42-43.

membanteras keganasan adalah penting, untuk menjamin keselamatan serantau, selain mengelakkan serangan terhadap Australia melalui negara-negara Asia Tenggara. Dalam serangan keganasan di Bali pada 2002, rakyat Australia merupakan warga asing yang paling banyak terkorban dalam insiden ini, dan ini membuktikan lagi betapa pentingnya kerjasama dengan negara serantau untuk menjamin keselamatan Australia.

Selain mengekalkan hubungan baik dengan Asia Tenggara, Australia turut juga perlu bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan di Asia Tenggara, kerana huru hara yang berlaku di rantau ini pastinya memberi implikasi kepada Australia. Hubungan Australia dengan negara Asia Tenggara adalah tidak konsisten, dan ia turut mempunyai kaitan dengan pertukaran parti yang menerajui pentadbiran di Canberra. Meskipun Asia Tenggara adalah penting kepada Australia, namun tahap persahabatan dengan setiap negara adalah berbeza-beza dan unik. Faktor-faktor seperti sejarah, konteks, pendekatan dan matlamat menyebabkan hubungan dua hala dengan negara individu Asia Tenggara adalah tidak sama.<sup>8</sup> Amnya, negara-negara seperti Indonesia, Malaysia, Singapura mempunyai hubungan yang lebih akrab dengan Australia disebabkan faktor-faktor sejarah dan geografi.

Sebagai pakatan kuat United Kingdom (UK), Australia turut mempunyai hubungan yang mesra dengan bekas tanah jajahan UK di Asia Tenggara, terutamanya dengan Malaysia dan Singapura yang menjalinkan Perjanjian Pertahanan Lima Negara (*Five Power Defence Arrangement*). UK dan New Zealand turut menganggotai perjanjian ini. Dalam sesetengah aspek, Australia dilihat memperkuatkan pertahanan ini, di samping membantu memperkuatkan perbezaan yang wujud di antara Malaysia dan Singapura.<sup>9</sup> Hubungan Australia dengan Malaysia mengalami kemerosotan terutamanya

---

<sup>8</sup> Department of Defence, *Defend 2000: Our Future Defence Force* (Canberra: Australian Government, 2000), 39.

<sup>9</sup> *Ibid.*, 99.

ketika Malaysia dipimpin oleh Perdana Menteri Dr Mahathir Mohammad yang dilihat tidak mesra dengan negara Barat, ditambah pula dengan pendekatan Howard yang suka mencampuri hal ehwal negara-negara jiran Australia.

Australia turut mengambil bahagian dalam misi-misi seperti Perang Vietnam, misi pengamanan di Cambodia dan Timor Timur. Kebanyakan misi yang disertai oleh Australia di rantau ini menerima respon yang baik, selain misi Timor Timur dilihat oleh Indonesia sebagai mencampuri hal ehwal Indonesia dan merenggangkan hubungan dua hala. Selain hubungan pertahanan, Australia turut memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi dengan negara Asia Tenggara. Misalnya, Australia mengambil inisiatif untuk menganjurkan Kerjasama Ekonomi Asia-Pasific (APEC) yang menghimpunkan negara-negara Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Pasifik seperti Amerika Syarikat (AS). Idea penubuhan forum ini bermula dari Perdana Menteri Australia Bob Hawke dalam suatu ucapan di Seoul, Korea Selatan.<sup>10</sup> Sumbangan Australia dalam urusan serantau adalah penting, kerana mereka merupakan kuasa ekonomi dan tentera yang terbesar di rantau ini, yang menjadikan mereka mempunyai kebolehan untuk melaksanakan tugas sedemikian dengan baik. Namun niat baik dan sumbangan Australia sering dipertikaikan kerana hubungan rapat mereka dengan AS dan negara Barat yang lain, sehingga sesetengah negara Asia Tenggara menganggap sumbangan sedemikian adalah mempunyai agenda tersendiri.

Indonesia dianggap sebagai antara jiran terpenting Australia. Selain kedudukan geografi yang rapat, Indonesia dilihat penting dari segi strategik dan keselamatan Australia, kerana kerajaan Australia menganggap pergolakan di Indonesia boleh membawa ancaman kepada negara mereka. Hubungan antara kerajaan Australia dan

---

<sup>10</sup> "History," *Asia-Pacific Economy Cooperation*, <http://www.apec.org/About-Us/About-APEC/History.aspx/> (accessed 25 August 2011).



Indonesia memuncak pada zaman Perdana Menteri Paul Keating (1991-1996), kerana Keating merupakan pemimpin yang mesra Indonesia dan memiliki hubungan peribadi yang baik dengan Suharto. Namun hubungan Australia-Indonesia menjadi renggang selepas John Howard menerajui pemerintahan di Canberra, dan juga susulan pengunduran Suharto pada 1998 selepas krisis ekonomi yang teruk. Habibie yang menggantikan Suharto tidak mempunyai kesahihan dari segi pemerintahannya kerana beliau bukan pemimpin yang dipilih melalui pilihan raya. Maka untuk memenangi kepercayaan dari dalam dan luar, beliau telah mengambil beberapa langkah yang drastik. Antaranya adalah untuk mengadakan referendum bagi membenarkan orang Timor Timur memilih masa depan mereka.

Howard pada Disember 1998 telah mengutuskan surat kepada Habibie dan mencadangkan supaya pengundian diadakan untuk membenarkan orang Timor Timur menentukan masa depan sendiri, serta menyatakan kesediaan Australia melihat Timor Timur yang merdeka.<sup>11</sup> Kenyataan Howard ini telah memberi tamparan hebat kepada Indonesia khususnya kerajaan Habibie kerana Australia merupakan antara negara Barat yang mengakui kedaulatan Indonesia ke atas Timor Timur semenjak ia menakluki Timor Timur pada 1978.<sup>12</sup> Tindakan Howard yang dilihat kurang bijak ini telah memberi implikasi besar kepada hubungan Australia-Indonesia kerana perasaan saling tidak percaya telah timbul di kalangan pemimpin dan rakyat Indonesia terhadap Australia. Presiden Wahid yang menggantikan Habibie pada 1999 turut menyokong keputusan yang dibuat kerajaan Habibie untuk membatalkan kerjasama keselamatan yang dimeterai dengan Australia pada 1995 kerana tindakan Howard yang dilihat “tidak mesra” (*unfriendly*) dalam dasar mereka terhadap isu Timor-Timur.<sup>13</sup>

---

<sup>11</sup> Kai He, “Indonesia’s Foreign Policy After Soeharto: International Pressure, Democratization, and Policy Change,” *International Relations of the Asia-Pacific* 8:1 (2003) : 58.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Ibid., 63.

Hubungan Australia-Indonesia juga penting dalam abad ke-21, selepas pengeboman ganas Islam di Bali yang menyebabkan kematian dan kemalangan ke atas rakyat Australia. Kerjasama dua hala dan pertukaran maklumat perisikan diperlukan untuk membantu Indonesia mengatasi masalah keganasan yang semakin bercambah pada pasca peristiwa 911 di New York. Kerjasama dengan negara Asia Tenggara yang lain turut penting, untuk membina hubungan yang lebih kuat dan toleransi, agar dapat menghilangkan perbezaan persepsi yang boleh menggugat perkembangan positif hubungan dua hala.

### **3.4 KEPENTINGAN STRATEGIK AUSTRALIA DI PAPUA BARAT**

Papua Barat merupakan bahagian Indonesia yang paling mendekati Australia, dan ia hanya dipisahkan oleh Lautan Arafura dan Papua New Guinea. Sebagai jiran terbesar Australia, kedudukan geografi Indonesia dan Papua Barat selalu menjadi pertimbangan penting dalam dasar-dasar pertahanan mereka. Bahagian ini akan membincangkan kepentingan strategik Australia di Papua Barat, untuk memberi gambaran mengapa Australia begitu aktif melibatkan diri dalam hal ehwal Papua Barat kerana ia tidak mungkin hanya merupakan masalah dalaman Indonesia.

#### **3.4.1 Hubungan Yang Baik Dengan Indonesia**

Tidak dapat dinafikan, hubungan yang baik dengan Indonesia adalah sentiasa dalam agenda utama Australia, kerana Indonesia yang tidak stabil akan memberi implikasi dan beban pertahanan kepada Australia. Sebagai sebuah negara yang penuh dengan pergolakan, terutamanya pada awal era pasca Suharto, Indonesia yang tidak stabil sering dilihat oleh Australia sebagai ancaman yang berpotensi. Indonesia merupakan negara yang penuh dengan konflik, antara konflik-konflik yang wujud di

negara ini boleh dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu mendatar dan menegak. Konflik mendatar merangkumi konflik sektarian, ideologi dan antara Muslim, manakala konflik menegak melibatkan konflik ekonomi dan politik.<sup>14</sup> Untuk mengekalkan kestabilan di Papua Barat, Australia telah mengamalkan pelbagai dasar yang dilihat kontroversi oleh rakyat mereka. Antaranya adalah seperti kerjasama tentera Australia dengan skuad khas TNI, iaitu Komando Pasukan Khusus (Kopassus) yang dilihat sebagai tidak wajar dan menjadikan Australia sebagai “penjenayah bersama” dengan Kopassus.

Kerjasama Australia dengan Kopassus adalah melalui pemberian latihan atau melakukan latihan bersama. Kopassus yang dilihat bertindak di luar undang-undang sering kali melakukan perbuatan yang mencabuli hak asasi manusia, seperti mendera, memukul dan merogol rakyat jelata Papua Barat. Rekod hitam mereka tidak sahaja terhad di Papua Barat, malah mereka juga dikaitkan dengan operasi mereka di Timor Timur dan Aceh pada masa yang lalu, dalam usaha mereka membanteras kegiatan pemisahan.<sup>15</sup> Sebagai negara jiran terbesar Indonesia dan negara yang mempunyai sistem ketenteraan yang lebih baik, bantuan Australia kepada Indonesia adalah penting, kerana Tentera nasional Indonesia (TNI) yang lebih kuat akan dapat mempertahankan serangan luar atau pergolakan dalaman yang merupakan kepentingan bersama Australia-Indonesia. Namun, hubungan Australia dengan Kopassus selalu dikecam oleh Media dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Australia kerana Tentera Australia seolah-olah tidak pernah peduli mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh Kopassus.

---

<sup>14</sup> Bilveer Singh, “Indonesia and the Arc of Instability,” in *Australia’s Arc of Instability: The Political and Cultural Dynamics of Regional Security*, ed. Dennis Rumley, Vivian Louis Forbes and Christopher Griffin, (Dordrecht: Springer, 2006), 87. Konflik sektarian mengandungi konflik Muslim lawan bukan Muslim, konflik agama dan etnik; konflik ideologi merangkumi percanggahan pro dan anti Pancasila, nasionalis lawan Komunis, nasionalis lawan ekstremis Islam; konflik antara Muslim merupakan perbezaan fahaman antara Muhammadiyah lawan Nahdlatul Ulama (NU), penganut sebenar lawan aliran sesat; manakala bagi konflik berasaskan ekonomi, ia merupakan percanggahan antara kerajaan pusat dan tempatan mengenai perkongsian sumber dan cukai; dan konflik yang berasaskan politik adalah merupakan ancaman pemisahan dan penentuan masa depan sendiri.

<sup>15</sup> Adam Gartrell, “Australia ‘Must Cut Ties’ with Kopassus,” *The Sydney Morning Herald*, 25 June 2009.

Australia dilihat tidak terlalu menghiraukan kritikan dan kecaman hebat dari rakyatnya dan NGO dalam negeri mengenai skandal yang dilakukan Kopassus, kerana hubungan dengan Indonesia adalah lebih penting dalam perancangan strategik mereka. Sekiranya kerajaan Australia mengecam Kopassus atau membatalkan kerjasama dengan mereka, ia pasti akan menimbulkan tindak balas negatif dari Indonesia dan Kopassus yang mungkin mendatangkan bahaya terhadap Australia. Dalam kes Timor Timur, Australia terpaksa membelanjakan AUD\$1.5 billion untuk kos tambahan bagi tugas keamanan, dan ia masih tidak lagi termasuk kos-kos susulan yang lain.<sup>16</sup> Perbelanjaan yang tinggi akibat dari ketidakstabilan Indonesia menjadi pengajaran kepada kerajaan Australia bahawa keselamatan dan kestabilan Indonesia adalah penting untuk sistem pertahanan Australia pada masa yang sama.

Dalam konteks Papua Barat, tidak hairanlah mengapa Australia akan berpegang teguh dalam prinsipnya supaya Papua Barat kekal dengan Indonesia. Papua Barat yang merdeka akan menimbulkan ketidakstabilan secara keseluruhan, dan ia juga akan menimbulkan rasa ketidakpercayaan di kalangan pemimpin Indonesia serta TNI yang mungkin menyebabkan perselisihan berlaku dalam hubungan dua hala. Sama seperti hubungan dengan Kopassus, masalah hak asasi manusia di Papua Barat dan keinginan untuk menuntut kemerdekaan di kalangan orang Papua Barat boleh diabaikan demi kepentingan Australia.

### **3.4.2 Kepentingan Strategik Papua Barat Bagi Australia**

Kedudukan Papua Barat yang begitu mendekati Australia, boleh mendatangkan ancaman kepada negara ini, sekiranya mereka berperang dengan Indonesia. Walaupun kebarangkalian ini adalah tipis, namun spekulasi ini adalah logik, berdasarkan

---

<sup>16</sup> Allan Behm, "Cooperation With Kopassus? Take Care!," *Agenda* Vol. 10, No. 1 (2003): 17.

pengalaman di Perang Dunia Kedua. Pada Perang Dunia Kedua, Australia telah memperlihatkan kepentingan Papua Barat atau keseluruhan Pulau Papua (yang mengandungi Papua Barat dan Papua New Guinea) sebagai satu benteng pertahanan yang penting untuk mempertahankan negara mereka dari serangan negara luar. Jepun yang menguasai kebanyakan tempat di Papua Barat pada ketika itu gagal menakluki Merauke yang terletak berdekatan dengan sempadan Papua New Guinea, dan sekiranya Jepun menguasainya, ia akan menjadi markas penting untuk Jepun melancarkan serangan ke Australia kerana perjalanan udara dari Merauke ke Australia hanya memakan masa dua jam sahaja.<sup>17</sup> Pengalaman ini telah mengingatkan Australia bahawa kedudukan geografi Papua Barat adalah penting dalam pertahanan mereka, kerana ia terlalu strategik untuk digunakan sebagai platform untuk menyerang Australia dari udara. Indonesia yang berpecah belah dan wujudnya negara-negara yang kecil adalah tidak menjadi agenda Australia kerana mengkhawatiri Canberra akan lebih sukar untuk berurusan dengan mereka, berbanding dengan hanya berdepan dengan Jakarta.

Sekiranya Papua Barat merdeka, implikasi pertama yang bakal dihadapi Australia adalah mungkin menghadapi ketidakstabilan yang berpanjangan, berikutan kemerosotan hubungan dengan Indonesia. Tambahan pula ia akan memberi bebanan kepada sistem pertahanan Australia, kerana kemerdekaan Papua Barat mungkin akan mencetuskan berperangan antara negara baru ini dengan Indonesia, dan Australia terpaksa memperuntukkan lebih banyak sumber untuk mengembalikan kestabilan serantau. Selain itu, keadaan yang bergolak di Papua Barat akan menyebabkan lebih banyak orang Papua Barat menyeludup ke kawasan perairan Australia, sejurusnya mengakibatkan perlambakan pelarian yang akan menambahkan perbelanjaan kerajaan Australia.

---

<sup>17</sup> M.H. Silaban, *Irian Barat* (Medan: Pustaka Sri Kesawan 118 Medan, 1962), 23.

Pada awal konflik kedudukan Papua Barat, Australia turut berpendapat mereka adalah lebih senang melihat kerjasama antara pegawai Belanda yang mentadbir Papua Barat dengan pegawai Australia yang mentadbir di New Guinea (Papua New Guinea hari ini).<sup>18</sup> Namun demikian, seiring dengan peredaran masa, Australia telah mengamalkan dasar-dasar yang berbeza dalam konflik Papua Barat. Terutamanya apabila Indonesia dikesan sebagai negara yang mempunyai ancaman Komunis, AS telah menukar dasarnya untuk mengizinkan Indonesia mengambil alih Papua Barat, untuk mengelakkan Indonesia menyertai kem Komunis. Australia sekata dengan polisi AS. Pada 1962, dasar-dasar Papua Barat Australia telah berubah dan isu ethnografi yang dimainkan sebelum ini telah lenyap.<sup>19</sup>

Pendirian Australia terhadap masa depan Papua Barat yang berubah-ubah pada tempoh 1940an-1960an merupakan tanda fokus Australia terhadap kepentingan strategik mereka, dan ia langsung tidak berkaitan dengan belas kasihan orang Australia terhadap orang Papua Barat. Pada masa kini, pendirian supaya Papua Barat terus kekal bersama Indonesia adalah untuk kepentingan Australia sendiri, kerana Papua Barat yang kekal bersama Indonesia akan lebih kuat dari segi pertahanannya, dan ia akan mengelakkan Papua Barat digunakan sebagai platform untuk melancarkan serangan terhadap Australia. Kedudukan Papua Barat yang strategik kepada Australia telah menyebabkan Australia tidak mungkin menyokong mereka untuk menuntut kemerdekaan.

### **3.4.3 Hubungan Perdagangan Dengan Indonesia**

Sebagai jiran dekat, hubungan ekonomi dan perdagangan Australia-Indonesia juga adalah penting. Pada 2010, hubungan perdagangan dua hala Australia-Indonesia

---

<sup>18</sup> Margaret George, *Australia and Indonesian Revolution* (Victoria: Melbourne University Press, 1980), 145.

<sup>19</sup> Richard Chauvel, "The Centrality of the Periphery: Australia, Indonesia and Papua", 114.

telah mencecah AUD\$12.9 billion, manakala perlaburan dua hala adalah mencecah antara AUD\$4.5 billion pada 2008.<sup>20</sup> Eksport Australia ke Indonesia adalah mencecah AUD\$5,397 juta, dan import Australia dari Indonesia adalah sebanyak AUD\$5,906 juta pada tahun 2011.<sup>21</sup> Jadual berikut merupakan barangan eksport dan import Australia ke Indonesia.

**Jadual 1: Eksport Utama Australia Ke Indonesia (2011)**

Barangan	(AUD\$ juta)
Gandum	1,117
Petroleum Mentah	747
Aluminium	341
Kapas	301

\*Termasuk barangan yang dirahsiakan yang mengandungi barangan utama seperti aluminium dan gula, dan merupakan 11 peratus dari jumlah export.

Sumber: *Department of Foreign Affairs and Trade Australia*, [http:// www.dfat.gov.au/geo/fs/indo.pdf](http://www.dfat.gov.au/geo/fs/indo.pdf)

**Jadual 2: Import Utama Australia Dari Indonesia (2011)**

Barangan	(AUD\$ juta)
Petroleum Mentah	2,544
Besi, Kelulu, Struktur Aluminium	640
Emas	419
Petroleum Diproses	216

Sumber: *Department of Foreign Affairs and Trade Australia*, [http:// www.dfat.gov.au/geo/fs/indo.pdf](http://www.dfat.gov.au/geo/fs/indo.pdf)

Hubungan erat dalam bidang ekonomi dan perdagangan memerlukan asas hubungan dua hala yang kukuh, dan ini turut menjadikan antara sebab mengapa hubungan keseluruhan dengan Indonesia, adalah lebih penting daripada nasib orang

<sup>20</sup> Department of Foreign Affairs and Trade, "Indonesia Country Brief," *Australian Government*, [http://www.dfat.gov.au/geo/indonesia/indonesia\\_brief.html/](http://www.dfat.gov.au/geo/indonesia/indonesia_brief.html/) (accessed 23 February 2010).

<sup>21</sup> Department of Foreign Affairs and Trade, "Indonesia Fact Sheet," *Australian Government*, <http://www.dfat.gov.au/geo/fs/indo.pdf/> (accessed 7 August 2012).

Papua Barat. Faktor ekonomi dan perdagangan turut mempengaruhi dasar Australia di Papua Barat, kerana terdapat juga aktiviti-aktiviti perdagangan dan pelaburan oleh syarikat Australia di rantau bergolak ini. Pelaburan yang paling signifikan oleh syarikat Australia di Papua Barat adalah melalui kerjasama Rio Tinto dengan Freeport dan kerajaan Indonesia di kawasan perlombongan di Grasberg dan menerima 40% dari hasil perlombongan. Freeport menggunakan Cairns, sebuah bandar di Queensland Australia sebagai pangkalan untuk pekerja Australia yang bekerja untuk mereka dan juga sebagai tempat untuk membekalkan barangan keperluan dan servis-servis lain kepada mereka.<sup>22</sup>

Adalah tidak aneh untuk Freeport memilih Cairns sebagai pangkalan mereka, lebih daripada memilih mana-mana bandar di Papua Barat seperti Jayapura atau bandar-bandar lain di Indonesia, kerana Freeport menerima kritikan yang hebat di Indonesia dan pandangan terhadap operasi mereka juga adalah bersifat negatif. Di samping itu, kedudukan Papua Barat yang jauh terpencil dari mana-mana bahagian Indonesia yang lain menjadikan pemilihan bandar-bandar lain Indonesia sebagai pangkalan mereka adalah tidak efektif dari segi kos operasi. Bagi Australia, operasi Freeport dan Rio Tinto memberi beberapa manfaat kepada mereka, antaranya adalah kawasan perlombongan di Grasberg menghasilkan gangsa dan ia merupakan sumber yang dihantar ke Australia dan adalah penting untuk kegunaan perindustrian. Pangkalan di Cairns turut berupaya menghasilkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk setempat, selain menyumbangkan hasil cukai kepada kerajaan Australia. Kepentingan strategik ini turut merupakan antara sebab mengapa kerajaan Australia menyokong Papua Barat kekal bersama Indonesia, kerana sekiranya Papua Barat merdeka, kontrak perlombongan mungkin akan digubal atau dihapuskan dan akan menjejaskan syarikat Australia dan juga kerajaan Australia.

---

<sup>22</sup> "Trouble At Freeport: A Report of the Australian Council for Overseas Aid," *University Watch*, <http://www.utwatch.org/corporations/freeportfiles/acfoa.html/> (accessed 15 November 2011).



### 3.5 DASAR LUAR AUSTRALIA TERHADAP KONFLIK PAPUA BARAT

Hubungan Australia dan Indonesia sentiasa penuh dengan cabaran yang hebat, kerana meskipun hubungan antara kerajaan adalah baik, namun ia lebih tertumpu kepada aspek seperti pertahanan; manakala hubungan bisnes antara dua negara adalah tidak baik, dan penduduk kedua-dua negara mempunyai persepsi yang buruk terhadap antara satu sama lain.<sup>23</sup> Faktor-faktor sedemikian sentiasa mencabar pembuat keputusan di Canberra, kerana mereka perlu menangkis tanggapan di kalangan rakyat mereka bahawa mereka cuma mempunyai hubungan dari segi ketenteraan dengan Indonesia, di samping perlu menghapuskan perasaan negatif rakyatnya apabila mereka terlalu rapat dengan Indonesia. Pertukaran parti dalam kerajaan persekutuan Australia dan faktor pendapat popular merupakan pembolehubah penting kepada hasil dasar-dasar luar Australia. Apabila membincangkan dasar luar Australia terhadap Papua Barat, ia sebenarnya turut melibatkan perbincangan mengenai dasar Indonesia Australia dalam sesetengah aspek. Ini kerana sebagai sebahagian Indonesia, sebarang dasar yang dibuat oleh Australia ke atas Papua Barat sebenarnya turut mengambil kira reaksi yang mungkin timbul dari kerajaan pusat Indonesia.

Bagi Australia, konflik di Papua Barat tidak mungkin hanya merupakan masalah dalaman Indonesia, kerana sebagai jiran Indonesia, pergolakan yang berlaku di negara ini pasti juga memberi kesan kepada Australia. Antara kesan yang dibimbangi oleh Australia adalah seperti penubuhan negara kecil yang berpecah dari Indonesia boleh menggugat keselamatan Asia Tenggara, lebih penting lagi ia juga mungkin menguatkan perasaan anti Australia yang kuat dalam TNI dan golongan elit politik serta lapisan

---

<sup>23</sup> Fergus Hanson, *Indonesia and Australia: Time For A Step Change* (Sydney: Lowy Institute For International Policy, 2010), 1.

masyarakat lain Indonesia.<sup>24</sup> Penindasan hak asasi manusia yang serius menjadi perhatian NGO di Australia, tetapi tidak bagi kerajaan Australia, kerana ia tidak menepati kepentingan strategik Australia secara keseluruhan. Papua Barat yang terus kekal dengan Indonesia dapat mengelakkan Australia daripada memperuntukkan lebih banyak sumbernya untuk tujuan ketenteraan bagi mengembalikan keamanan serantau sekiranya wujud huru-hara akibat daripada kemerdekaan Papua Barat.

Indonesia yang tidak stabil turut akan menyebabkan masalah seperti wujudnya gelombang pelarian yang hebat, memotivasikan daerah lain untuk turut menuntut kemerdekaan; faktor-faktor demikian mendorong kerajaan Australia dan pembangkang sentiasa menyokong integriti keseluruhan wilayah Indonesia demi kepentingan Australia.<sup>25</sup> Indonesia yang tidak stabil akan membawa pelbagai masalah kepada Australia, seperti wujudnya ketegangan kepada hubungan antara kerajaan, gangguan terhadap perdagangan dan ekonomi dua hala, masalah pelarian, hubungan baik dengan TNI dan kestabilan serantau. Selaras dengan pertimbangan-pertimbangan ini, Australia sentiasa memastikan dasar-dasar mereka adalah tidak menyinggung Indonesia. Beberapa dasar yang akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya akan mengesahkan Australia mempunyai pendirian sedemikian dan sentiasa meletakkan kepentingan Indonesia di kedudukan tertinggi kerana pada akhirnya ia juga dapat menjamin kestabilan Australia.

### **3.5.1 Perjanjian Lombok**

Pada era pasca Suharto, satu kerjasama penting yang terjalin antara Australia dan Indonesia adalah Perjanjian Lombok (*Lombok Treaty*) yang dimeterai pada 2006. Perjanjian ini merupakan kerjasama pertahanan antara kedua-dua negara, dan antara

---

<sup>24</sup> Chris Wilson, "Internal Conflict in Indonesia: Causes, Symptoms and Sustainable Resolution," *Parliament of Australia*, <http://www.aph.gov.au/library/pubs/rp/2001-02/02RP01.htm/> (accessed 8 August 2011).

<sup>25</sup> Ibid.

ciri-ciri penting dalam perjanjian ini yang dikaitkan dengan konflik Papua Barat, adalah kedua-dua pihak berjanji “memberi komitmen kepada kedaulatan, perpaduan, kemerdekaan dan integriti wilayah kedua-dua pihak, serta mementingkan prinsip kejiranan yang baik dan tidak mencampuri hal ehwal negeri masing-masing, seiringan dengan Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)”.<sup>26</sup> Meskipun dalam perjanjian ini tidak menyebutkan perkataan “Papua” atau “Papua Barat” dengan jelas sebagai perkara yang tidak boleh disentuh, namun Artikel 2 dalam perjanjian ini mengukuhkan lagi pendapat umum mengenai Australia tidak akan mencampuri konflik Papua Barat sebagai balasan kepada termeterainya perjanjian ini.

Dalam Artikel 2 perjanjian ini yang menyentuh prinsip, perkara ketiga menyebut “mana mana parti dalam perjanjian ini tidak boleh menyokong atau mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang mengancam kestabilan, kedaulatan dan integriti wilayah bagi parti lain.....termasuk juga gerakan pemisahan dalam wilayah parti lain”.<sup>27</sup> Terma-terma yang terkandung seperti di atas semakin jelas berkaitan dengan konflik Papua Barat, kerana ia merupakan wilayah Indonesia yang paling menghadapi ancaman pemisahan pada ketika itu. Toleransi Australia untuk mendapatkan kepercayaan Indonesia supaya perjanjian ini dapat dimeterai telah mengundang pelbagai kecaman terutamanya dari dalam negeri kerana berpendapat ia tidak menjamin kepentingan Australia, di samping terlalu bertolak ansur dengan Indonesia.

Dalam Laporan 84 (*Report 84*), jawatankuasa memetik kenyataan White bahawa perjanjian ini ditandatangani kerana pertimbangan mengenai dasar Papua Barat Australia, dan bukan berasaskan hubungan dua hala Australia-Indonesia yang kukuh, dan ini adalah tidak realistik kerana tidak mungkin untuk menghentikan Australia

---

<sup>26</sup> Department of Foreign Affairs and Trade, “Agreement Between the Republic of Indonesia and Australia on the Framework for Security Cooperation,” *Australian Government*, <http://www.dfat.gov.au/geo/indonesia/ind-aus-sec06.html/> (accessed 6 August 2011).

<sup>27</sup> Ibid.

mencampur tangan dalam isu Papua Barat atau hal-hal lain yang mungkin mengancam kesatuan Indonesia.<sup>28</sup> Kenyataan White tepat kerana tiada sesiapa pun yang boleh meramal bilakah akan berlaku situasi yang mungkin merenggangkan hubungan Australia dan Indonesia berkenaan isu Papua Barat, kerana masalah pelarian ataupun perubahan politik di Papua Barat dan Jakarta mungkin berlaku pada bila-bila masa. Sekiranya berlaku pergolakan di Papua Barat atau bahagian Indonesia lain yang memerlukan campur tangan Australia, ia akan membataskan penyertaan mereka disebabkan perjanjian ini. Tambahan pula, sekiranya berlaku kes penindasan hak asasi manusia yang serius pada masa depan, Australia yang tidak mencampur tangan dalam hal sedemikian mungkin akan mengalami dilemma, kerana akan menghadapi tekanan yang hebat dari rakyatnya serta pakatan seperti AS yang mungkin mempunyai pendirian yang berbeza dari mereka.

Laporan ini turut mengesyorkan bahawa meskipun penglibatan yang lebih aktif harus wujud dalam hubungan dua hala Australia-Indonesia, namun ia juga harus mengelakkan wujudnya terma-terma yang mungkin tidak realistik yang boleh menjadi halangan pada masa depan.<sup>29</sup> Kompromi Australia dalam memasukkan syarat yang dilihat sebagai tidak menyentuh hal ehwal dalam negeri Indonesia (atau khususnya Papua Barat) mungkin dinilai dengan baik oleh Jakarta, namun ia akan menyebabkan rakyat Australia lebih menekan kerajaannya untuk melakukan sesuatu terhadap Indonesia, yang mungkin dalam jangka masa panjang akan memberi kesan yang tidak baik kepada hubungan dua hala. Rakyat Australia mungkin akan merasakan bahawa kerajaan mereka memberikan “layanan istimewa” dan “pengecualian” dalam hubungan dua hala Australia-Indonesia berbanding hubungan dua hala yang lain, dan ia akan menguatkan lagi perasaan negatif rakyat Australia terhadap Indonesia secara keseluruhannya.

---

<sup>28</sup> The Parliament of the Commonwealth of Australia, *Report 84: Treaty Tabled on 6 December 2006* (Canberra: Australian Government, 2007), 10. Laporan ini disediakan oleh jawatankuasa Parlimen Australia yang ditubuhkan untuk mempersoal dan melaporkan perkara yang mungkin timbul berkenaan dengan kepentingan Australia melalui Perjanjian Lombok.

<sup>29</sup> *Ibid.*, 37.

### **3.5.2 Hubungan Australia Dengan Tentera Nasional Indonesia (TNI) Di Papua Barat**

TNI sering dikaitkan dengan aspek negatif dalam perbincangan mengenai Papua Barat, di mana TNI dilihat sebagai alat yang digunakan Jakarta untuk menindas rakyat Papua Barat yang ingin merdeka di samping mematahkan serangan dari gerakan gerila seperti yang dilancarkan Organisasi Papua merdeka (OPM). Dalam isu ini, Australia turut mempunyai label yang negatif, kerana mereka dikaitkan dengan bantuan yang diberikan kepada TNI. Australia dikaitkan dengan memberi latihan kepada anggota TNI yang berada di Papua Barat, dan diibaratkan sebagai “penjenayah bersama” dengan TNI yang berkhidmat di sana.

Kewujudan bilangan TNI yang banyak di Papua Barat, juga dikaitkan dengan aktiviti perlombongan. Papua Barat kaya dengan hasil perlombongan, dan syarikat AS, Freeport merupakan syarikat perlombongan yang terbesar di Papua Barat. Kewujudan syarikat-syarikat perlombongan tidak disenangi oleh penduduk tempatan kerana mereka mengeksploitasi hak-hak penduduk Papua Barat. Ketidakpuasan ini disusuli dengan serangan-serangan dari orang Papua Barat terhadap kawasan perlombongan, maka TNI diupah oleh syarikat perlombongan untuk tujuan keselamatan dan menjaga kepentingan mereka. Komander di Papua Barat, Mejar Jeneral Mahidin Simbolon pada Disember 2005 mengesahkan bahawa Freeport membayar AS\$26.6 juta dari 1998 hingga 2004 sebagai upah menjamin keselamatan, dan tugas sedemikian menjadi penyumbang kepada penganiayaan kemanusiaan.<sup>30</sup> Kingsbury membidas Australia tidak konsisten dengan dasar-dasar Papuanya, kerana meskipun penerimaan pelarian pada 2006 dikaitkan dengan penganiayaan hak asasi manusia, namun pada 2005, Australia memperbaharui latihannya kepada pasukan khas Indonesia, Kopassus yang sering

---

<sup>30</sup> Damien Kingsbury, “Australia’s Confusion on West Papua,” *The Age*, 27 March 2006.

dikaitkan dengan rekod buruk di Papua Barat.<sup>31</sup> Tindakan Australia mengukuhkan lagi pandangan bahawa Australia mengamalkan dasar-dasar yang tidak konsisten, di mana pada akhirnya menyebabkan mereka kehilangan sokongan dari rakyatnya serta kepercayaan Indonesia kerana pertukaran dasar-dasar yang kerap boleh diibaratkan sebagai tidak mempunyai prinsip.

Perjanjian Lombok dilihat sebagai negatif oleh sesetengah sarjana, dengan menekankan bahawa termeterainya perjanjian ini akan menjadikan Australia sebagai seteru Indonesia yang nyata dalam berperangan ke atas orang Papua Barat.<sup>32</sup> Di samping ia membolehkan Jeneral di Indonesia mengenal pasti sama ada apa yang boleh dilakukan atau tidak kepada Australia, permintaan Indonesia supaya tindakan sesetengah rakyat Australia yang menyokong Papua Barat dikawal juga harus dipatuhi, kerana jika tidak, ia akan menyebabkan wujudnya konflik baru antara Australia dan Indonesia.<sup>33</sup> Dua-dua faktor ini sebenarnya menggambarkan kebimbangan Australia, terutamanya dari lapisan rakyatnya yang mengkhawatiri kerjasama antara tentera Australia dan Indonesia, akan menyebabkan Australia terjebak dalam dilemma moral, kerana Australia akan dilabelkan sebagai seteru atau membelakangi sistem demokrasi yang didukung selama ini. Tambahan lagi, ia mungkin juga menyebabkan Australia sukar untuk mencampuri urusan Papua Barat, atau menegur tindakan Indonesia yang melampau, kerana selama ini mereka yang memberikan latihan kepada TNI turut menyumbang kepada ketegangan konflik ini.

### **3.5.3 Masalah Pelarian Papua Barat**

Perasaan “takut” yang wujud di kalangan orang Australia mengenai Indonesia, kebanyakannya adalah timbul dari kemungkinan seperti Indonesia akan menyerang

---

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Jim Elmslie, Peter King and Jake Lynch, *Blundering in? The Australia-Indonesia Security Treaty and the Humanitarian Crisis in West Papua* (Sydney: The University of Sydney, 2007), 27.

<sup>33</sup> Ibid.

Australia, pembanjiran pelarian Papua Barat atau tempat lain di Indonesia yang beramai-ramai ke Australia dan sebagainya, meskipun ia mempunyai kemungkinan yang tipis untuk berlaku.<sup>34</sup> Perasaan takut sebegini akan mempengaruhi orang Australia mempunyai pertimbangan yang tidak wajar dan dilemma apabila menangani masalah Papua Barat. Dalam satu aspek, mereka bersimpati dengan nasib orang Papua, dari satu segi yang lain pula, mereka bimbang sekiranya huru-hara berlaku di Papua Barat, kedatangan pelarian Papua Barat yang beramai-ramai akan menggugat keselamatan Australia. Perbezaan persepsi kerajaan Australia dengan rakyatnya adalah jelas tergambar dalam isu ini, di mana disebabkan kerajaannya bimbang tentang kemungkinan ancaman Indonesia, maka mereka mengamalkan dasar-dasar yang mesra dengan Indonesia supaya kesan dari konflik Papua Barat boleh dikurangkan ke tahap yang paling minimum. Bagi rakyat Australia, mereka adalah bersimpati dengan kedudukan orang Papua Barat, namun mereka ingin kerajaan mereka mencampurkan tangan dalam konflik ini pada tahap yang paling minimum, supaya ia tidak menjadi ancaman kepada kepentingan mereka.

Menurut *Lowy Institute Poll 2011*, apabila responden Australia ditanya mengenai persepsi mereka berkenaan dengan isu pelarian yang mencari suaka (*asylum seekers*), ia boleh menggambarkan rasa bimbang mereka, di mana mereka bersetuju bahawa pelarian ini menyumbang kepada ancaman keselamatan yang berpotensi kepada Australia (86 peratus), terlalu banyak wang diperuntukkan untuk pelarian di tempat penahanan (85 peratus), dan mereka tidak bersetuju Australia harus menerima pelarian ini disebabkan Australia mempunyai tanggungan perjanjian antarabangsa (32 peratus).<sup>35</sup> Kerajaan Australia turut mempunyai pendirian yang sama, namun Canberra dilihat tidak dapat menangani masalah pelarian Papua Barat dengan baik. Kejadian pada Januari

---

<sup>34</sup> Jamie Mackie, *Australia and Indonesia: Current Problems, Future Prospects* (New South Wales: Lowy Institute for International Policy, 2007), viii-ix.

<sup>35</sup> Fergus Hanson, *Australia and the World: Public Opinion and Foreign Policy* (Sydney: Lowy Institute For International Policy, 2011), 14.

2006, di mana pelarian Papua Barat yang menaiki bot untuk mendapatkan perlindungan politik dari Australia, merupakan contoh yang baik dalam isu ini. Pemberian perlindungan ini mendatangkan implikasi yang besar kepada hubungan dua hala, di mana walaupun rakyat Australia menganggap ia sebagai bantuan kemanusiaan, namun ia merangsang kepekaan Jakarta mengenai kedaulatan Indonesia ke atas Papua Barat, sejurus menyebabkan kerenggangan dalam hubungan dua hala. Namun demikian, sekiranya peristiwa pada 2006 ini diambil sebagai pengecualian, Australia dilihat konsisten dengan mengendalikan isu-isu berkenaan dengan pelarian Papua Barat serta menunjukkan kematangannya dari masa ke masa.<sup>36</sup>

Cara Australia menangani masalah pelarian Papua Barat menunjukkan ia tidak semestinya menyebabkan ketegangan secara terus kepada hubungan dua hala dengan Indonesia, dan ia boleh membayangkan bahawa dasar luar Australia tidak mempengaruhi dasar pelarian; namun dari aspek lain, Australia cuba tidak menerima pelarian dari Indonesia, berusaha berhubung dengan Indonesia dalam isu pelarian Papua Barat yang meminta perlindungan politik, untuk menyatakan ia sebenarnya tidak boleh digambarkan sebagai sokongan terhadap Papua Barat untuk menuntut kemerdekaan.<sup>37</sup> Dari aspek yang lain juga, dasar pelarian Papua Barat Australia juga dipengaruhi oleh faktor seperti pendapat umumnya. Ia sekali lagi menggambarkan bahawa dalam isu hubungan dengan Jakarta dan kedaulatan Papua Barat, kerajaan Australia sentiasa perlu bergelut dalam kecenderungan untuk mengambil hati rakyatnya atau kepercayaan Indonesia, dan keadaan menang-menang dilihat tidak mungkin wujud, kerana keputusan yang diimplementasi pastinya akan mengundang ketidakpuasan dari salah satu pihak. Perkara ini menyebabkan kerajaan Australia sering berada dalam keadaan serba salah dalam merangka dasar-dasar Indonesia dan Papua Baratnya, dan menyebabkan ia dilihat

---

<sup>36</sup> Savitri Taylor and Klaus Neumann, "Australia, Indonesia, and West Papuan Refugees, 1962-2009," *International Relations of the Asia Pacific* Vol. 10, No. 1 (2010): 25.

<sup>37</sup> *Ibid.*, 25 & 27.



sebagai tidak konsisten apabila mereka cuba melakukan perlarasan mengikut setiap kes individu.

Pemberian perlindungan kepada 43 pencari suaka dalam kontroversi 2006 ini sebenarnya merupakan pengakuan Australia terhadap berlakunya penganiayaan dan pembunuhan di Papua Barat secara tidak langsung, dan apabila mereka tinggal di Australia, mereka akan lebih bebas berkempen untuk memperjuangkan kemerdekaan di Australia.<sup>38</sup> Faktor utama mengapa konflik Papua Barat lebih sensitif dari Timor Timur, adalah kerana Papua Barat merupakan bekas tanah jajahan Belanda, dan ia menjadi pusat kepada konsep Indonesia sebagai sebuah negara.<sup>39</sup> Ini bermakna sekiranya Papua Barat berpisah dari Indonesia, kesahihan Indonesia sebagai sebuah negara secara keseluruhannya mungkin akan diragui dan akan menyumbang kepada masalah yang lebih banyak kepada negara ini. Ini juga merupakan sebab mengapa tindak tanduk Australia dalam isu Papua Barat sentiasa menjadi pemerhatian Indonesia. Penerimaan pelarian dari Papua Barat adalah lebih sensitif berbanding dengan pelarian dari bahagian Indonesia yang lain, kerana Indonesia sebenarnya masih meragui niat sebenar Australia di Papua Barat selepas insiden Timor Timur.

#### **3.5.4 Bantuan Australia Kepada Papua Barat**

*The Australian Agency for International Development (AUSAID)* merupakan agensi yang ditubuhkan oleh kerajaan Australia untuk melaksanakan bantuan luar Australia. Matlamat penubuhan agensi ini adalah “untuk membantu negara sedang membangun mengurangkan kemiskinan dan mencapai pembangunan yang berterusan, sejajar dengan kepentingan Australia.”<sup>40</sup> AUSAID boleh dikatakan sebagai sayap kerajaan untuk memperkembangkan dasar luar mereka, kerana bantuan-bantuan

---

<sup>38</sup> Hugh White, “The Looming Conflict Over West Papua,” *The Age*, 8 February 2006.

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> AUSAID, “About AusAID,” *Australian Government*, <http://www.ausaid.gov.au/about/default.cfm/> (accessed 22 August 2011).

sedemikian pastinya akan memperbaiki dan mengeratkan hubungan mereka dengan negara-negara yang menerima bantuan. AUSAID juga merupakan pertubuhan serampang dua mata, kerana selain merealisasikan dasar luar Australia, negara penerima juga boleh menerima manfaat daripadanya.

Indonesia merupakan antara negara yang paling banyak menerima bantuan daripada program AUSAID. Bantuan yang diperuntukkan untuk Indonesia pada 2011-2012 adalah sebanyak AUD\$558.1 juta di mana AUD\$510 juta adalah dari AUSAID dan AUD\$48.1 juta dari bantuan lain kerajaan Australia.<sup>41</sup> Kerja-kerja AUSAID bertujuan untuk membantu Indonesia menjadi lebih maju, selamat dan demokratik, dan AUD\$558 juta yang diperuntukkan antaranya adalah bertujuan untuk menyumbang kepada kestabilan dan pertumbuhan di Indonesia, di mana ia turut merupakan keutamaan kedua-dua negara.<sup>42</sup>

Bagi Indonesia, proses demokrasi dan penurunan kuasa pusat sejak era pasca Suharto memerlukan begitu banyak peruntukan untuk melaksanakan dasar-dasar baru, dan bantuan sedemikian membolehkan mereka merealisasikan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan. Bagi Australia, Indonesia yang semakin berkembang dengan sihat dalam sistem demokrasi sememangnya merupakan kepentingan Australia, kerana ia akan mengurangkan ancaman kepada sistem pertahanan Australia. Australia juga dilihat cenderung untuk memberi bantuan kepada bahagian Indonesia yang tidak stabil seperti Aceh dan Papua Barat. Dalam kerjasama Australia-Indonesia, bantuan yang diberikan adalah lebih kepada program yang dikenal pasti oleh Indonesia untuk jangka masa panjang bagi membolehkan Indonesia mencapai tujuannya, dan dari segi tempatan pula, Australia mengenal pasti wilayah-wilayah seperti Papua, Papua Barat, Nusa Tenggara

---

<sup>41</sup> AUSAID, "Indonesia," *Australian Government*, <http://www.usaid.gov.au/country/indonesia.cfm/> (accessed 24 August 2011).

<sup>42</sup> *Ibid.*

Timur, Nusa Tenggara Barat dan Aceh sebagai wilayah yang berpotensi untuk diberi bantuan.<sup>43</sup>

Strategi yang dikemukakan bagi mencapai matlamat adalah pembangunan dan pengurusan ekonomi yang berterusan, melabur dalam manusia, demokrasi, keadilan dan pentadbiran yang baik, serta keselamatan dan keamanan.<sup>44</sup> Meskipun bantuan-bantuan ini tidak merupakan bantuan khusus yang ditujukan kepada Papua Barat, namun strategi-strategi ini sekiranya dapat diimplementasikan dengan baik, ia sebenarnya dapat memastikan pembangunan di Papua Barat menjadi lebih sempurna, sejurus menyebabkan sesetengah orang Papua Barat tidak ingin pisah dari Indonesia dan memenuhi kepentingan Australia dan Indonesia. AUSAID turut mengenal pasti bahawa kerjasama Australia dan Indonesia seharusnya meningkatkan persefahaman rakyat masing-masing terutama dalam isu-isu sensitif seperti Papua Barat.<sup>45</sup> Bantuan dalam pendidikan meskipun tidak banyak berkaitan dengan politik, namun ia sebenarnya merupakan “pelaburan” jangka masa panjang, kerana sekiranya rakyat Indonesia mempunyai tahap pendidikan yang tinggi, ia lebih mudah untuk mewujudkan persefahaman dan kerjasama dengan Australia. Tahap persefahaman yang tinggi di peringkat rakyat dengan rakyat Australia-Indonesia adalah penting, kerana ia dapat mengikis perasaan negatif antara satu sama lain, dan secara langsung memudahkan kedua-dua kerajaan membuat keputusan dalam hubungan dua hala.

### **3.5.5 Pendirian Rakyat Australia Terhadap Konflik Papua Barat**

Secara adilnya, adalah tidak patut mengaitkan persepsi rakyat Australia terhadap konflik Papua Barat dengan pendirian kerajaan mereka, namun perkara ini turut tidak dapat dielakkan, kerana walaupun kerajaan Australia tidak akan bertindak balas dengan

---

<sup>43</sup> AUSAID, *Australia-Indonesia Partnership Country Strategy 2008-13* (Canberra: Australian Government, 2008), 5-6. Papua dan Papua Barat dalam konteks ini merupakan dua wilayah yang berbeza yang terletak di Papua Barat.

<sup>44</sup> *Ibid.*, 8.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 18.

permintaan rakyatnya yang dianggap “keterlaluan”, namun dari perspektif kerajaan Australia dan Indonesia, ia boleh merupakan “gangguan” yang menyumbang kepada perasaan saling tidak percaya. Sebagai sebuah kerajaan demokratik, kerajaan Australia perlu menghormati kebebasan pendirian dan berucap rakyatnya, meskipun ia adalah bercanggah dengan pendirian kerajaan. Walaupun rakyat Australia cenderung bersimpati kepada keadaan hak asasi manusia orang Papua Barat, kerajaan mereka tidak dapat menghalang mereka berbuat demikian, kerana ia adalah bercanggah dengan perlembagaan. Terdapat beberapa kumpulan yang menyokong pergerakan untuk menghentikan penganiayaan hak asasi manusia ke atas orang Papua Barat, yang begitu bergiat menjalankan aktiviti mereka di Australia. Dalam perbincangan ini, hanya beberapa NGO yang ditubuhkan di Australia untuk memperjuangkan hak-hak orang Papua Barat dipetik.

Antaranya *Free West Papua*<sup>46</sup> ditubuhkan untuk “mempromosi dan menjadi fasilitasi supaya orang Australia dapat membantu menghentikan penganiayaan hak asasi manusia di Papua Barat, serta menjadi usaha kolektif untuk mengubah polisi Australia ke atas Papua Barat.”<sup>47</sup> Keanggotaan pertubuhan ini tidak dapat dipasti, namun dalam senarai perhubungan mereka, wujudnya nama “Dr Clinton Fernandes” yang mempunyai pendirian simpati dengan nasib orang Papua Barat. *Australia West Papua Association Sydney* (AWPA) dalam pengenalan matlamat penubuhan mereka juga menyatakan antara salah satu tujuan mereka adalah “untuk cuba mempengaruhi kerajaan Australia mengubah polisi ‘politik persahabatan’ ke atas Indonesia, dan menghentikan eksport senjata Australia ke Indonesia.”<sup>48</sup> Dari matlamat penubuhan dua NGO ini, boleh didapati NGO dari Australia mahupun sebahagian rakyatnya, melihat masalah di Papua Barat sebagai masalah penganiayaan hak asasi manusia. Maka objektif pertubuhan

---

<sup>46</sup> Pertubuhan ini dikenali sebagai *Free West Papua: Action for Human Rights in West Papua*, dan mempunyai laman web di <http://www.freewestpapua.com/au>.

<sup>47</sup> “Introduction,” *Free West Papua*, <http://www.freewestpapua.com.au/introduction.php/> (accessed 9 August 2011).

<sup>48</sup> “Letter,” *Australia West Papua Association*, <http://www.cs.utexas.edu/users/cline/papua/letter.htm/> (accessed 9 August 2011).

mereka tertumpu kepada usaha untuk mempengaruhi kerajaan mereka, supaya dapat menegur atau meminta kerajaan Indonesia mengatasi masalah ini. Namun, ia amatlah bercanggah dengan pendirian kerajaan Australia, kerana bagi Indonesia, penekanan ke atas isu hak asasi manusia, mungkin menjadi alasan campur tangan dalam konflik Papua Barat di atas konteks politik yang lebih luas.

NGO yang lantang dalam memperjuangkan aspek hak asasi manusia turut memberi tekanan dan situasi yang sukar kepada kerajaan Australia, kerana ia mungkin memberi anggapan bahawa kerajaan Australia bertolerasi dan membiarkan rakyatnya mencabar kedaulatan Indonesia. Namun dalam sudut yang lain, sebagai sebuah negara demokrasi yang matang, kerajaan Australia dapat mengelakkan diri dari toman sedemikian, kerana ia tidak boleh menyekat hak kebebasan bersuara rakyatnya. Pendirian NGO sebenarnya menyediakan satu perspektif yang lain dalam pendirian Australia terhadap konflik Papua Barat. Dari sudut pandangan kerajaan, adalah tidak wajar menggesa Indonesia membuat perubahan drastik di Papua Barat, kerana Indonesia akan mengesyaki pendirian Australia dan sejurus membawa kesan negatif kepada hubungan dua hala. Namun demikian, bagi NGO dan rakyat yang bersimpati dengan nasib orang Papua Barat, mereka menganggap kerajaan mereka terlalu mesra Indonesia, dan bagaimana memenuhi permintaan satu pihak dan tidak menyinggung pihak yang lain menjadi cabaran yang getir kepada kerajaan Australia.

*Lowy Institute For International Policy* mengadakan kajian mengenai pandangan umum Australia mengenai hal ehwal antarabangsa sejak 2005. Dalam kajian ini, persepsi orang Australia terhadap Indonesia turut dikaji untuk mengenal pasti pandangan orang Australia mengenai jiran mereka ini. Pada 2006, keputusan kajian menggambarkan pendapat yang bercanggah di kalangan orang Australia mengenai

Indonesia.<sup>49</sup> Responden dalam kajian ini melihat Indonesia sebagai ancaman yang merbahaya, di mana mereka mempercayai Indonesia adalah dikuasai oleh tentera (6.8), Indonesia merupakan punca bahaya pengganas Islam (6.5), dan Australia perlu bimbang bahawa Indonesia adalah mengancam dari segi ketenteraan (6.2), dan rata-rata responden adalah tidak pasti mengenai kerjasama antara Australia dan Indonesia adalah penting dan boleh membantu Australia menangani ancaman pengganas di rantau ini (5.4), dan mereka juga tidak percaya bahawa Indonesia sedang membangun sebagai negara demokrasi (5.1).<sup>50</sup>

Apabila ditanya mengenai pendekatan Australia dalam hubungan dengan Indonesia, rata-rata responden dilihat tidak begitu memahami situasi Indonesia, dan beranggapan apa yang dilakukan kerajaan mereka adalah merupakan kebaikan untuk Indonesia. Ini dapat dilihat apabila responden bersetuju Indonesia menerima kebaikan kerana memiliki Australia sebagai jiran yang stabil dan maju (7.4), Australia menunjukkan mereka sebagai sahabat Indonesia yang boleh dipercayai dalam jangka masa panjang (7.0). Tetapi responden dilihat tidak bersetuju bahawa Australia mempunyai kecenderungan cuba mencampur tangan dalam hal ehwal Indonesia dengan terlalu banyak (5.1), dan Indonesia adalah perlu bimbang bahawa Australia cuba memisahkan Papua Barat dari Indonesia (5.0).<sup>51</sup>

Kajian pada 2006 ini turut melibatkan responden dari Indonesia. Dalam soalan mengenai persepsi dari Australia, jawapan yang diberikan juga tidak menunjukkan tanda-tanda yang positif. Responden Indonesia berpendapat adalah wajar untuk Indonesia bimbang bahawa Australia cuba memisahkan Papua Barat dari Indonesia

---

<sup>49</sup> Dalam kajian ini, skala 0 hingga 10 digunakan sebagai pengukuran. 0 bermaksud sangat tidak setuju dan 10 merupakan sangat setuju.

<sup>50</sup> Ivan Cook, *Australia, Indonesia and the World: Public Opinion and Foreign Policy* (Sydney: Lowy Institute For International Policy, 2006), 14.

<sup>51</sup> Ibid.

(6.8), Australia mempunyai kecenderungan cuba mencampur tangan dalam hal ehwal Indonesia dengan terlalu banyak (6.7). Responden turut tidak menghargai hubungan yang baik dengan Australia, di mana mereka tidak menganggap Australia sebagai sahabat yang boleh dipercayai dalam jangka masa panjang (5.3), dan Indonesia juga tidak menerima faedah daripada memiliki Australia sebagai jiran yang stabil dan maju (5.3).<sup>52</sup> Persamaan yang wujud dalam responden Australia dan Indonesia, adalah rata-rata mereka percaya bahawa dasar Australia terhadap Indonesia dan rantau ini adalah dipengaruhi oleh AS, di mana responden Australia adalah (6.3) dan Indonesia (6.6).<sup>53</sup>

Dari keputusan ini, masalah kritikal yang dilihat wujud dalam persepsi orang Australia dan Indonesia terhadap satu sama lain, adalah mereka tidak dapat menghargai kepentingan satu sama lain, dan melihat hubungan dua hala Australia-Indonesia dari sudut kepentingan sendiri, dan tidak peka terhadap keadaan pihak lain. Responden Australia masih melihat Indonesia dari persepsi lama, meskipun negara ini telah mengalami transformasi demokrasi yang hebat dalam zaman pasca Suharto. Mesej yang penting untuk kerajaan Australia adalah meskipun rakyatnya tidak berpendapat mereka mencampur tangan terlalu banyak dalam hal ehwal Indonesia, dan mempunyai usaha untuk memisahkan Papua Barat dari Indonesia, namun orang Indonesia tidak mempunyai respon yang sama. Kerajaan Australia juga harus peka terhadap perasaan orang Indonesia, kerana teguran yang bersesuaian mengenai isu Papua Barat juga mungkin ditafsir sebagai campur tangan oleh orang Indonesia dan seterusnya memberi implikasi yang buruk terhadap hubungan dua hala.

Pada 2011, persepsi orang Australia terhadap Indonesia melalui kajian yang sama, meskipun tidak berubah dengan ketara, namun ia menunjukkan tiada peningkatan

---

<sup>52</sup> Ibid., 19.

<sup>53</sup> Ibid., 14 & 19.

dalam perasaan baik orang Australia terhadap Indonesia. Responden mempercayai Indonesia menerima kebaikan kerana memiliki Australia sebagai jiran yang stabil dan maju (7.5), dan Australia merupakan sahabat Indonesia yang boleh dipercayai pada jangka masa panjang (7.2). Di samping itu, dalam kenyataan negatif, iaitu Indonesia perlu bimbang bahawa Australia cuba memisahkan Papua Barat dari Indonesia, dan Australia mempunyai kecenderungan untuk campur tangan terlalu banyak dalam hal ehwal Indonesia, masing masing mencatatkan angka 4.8 dan 4.6.<sup>54</sup>

Melalui perbandingan kajian 2011 dan 2006, ia menunjukkan persepsi orang Australia terhadap Indonesia tidak berubah menjadi baik, malah wujudnya penurunan yang sedikit, walaupun tidak ketara. Persepsi buruk orang Australia terhadap Indonesia seharusnya menjadi ikhtibar kerajaan Australia, kerana sebagai sebuah negara demokrasi, pendapat popular boleh mempengaruhi perubahan dasar kerajaan yang mungkin menimbulkan ketidaksenangan Indonesia dan memburukkan hubungan dua hala. Kedua-dua kerajaan Australia dan Indonesia perlu menjadikan usaha untuk memperbaiki persepsi rakyat mereka terhadap negara yang lain sebagai agenda utama mereka, kerana ia sebenarnya memberi kekangan yang cukup besar untuk hubungan Australia-Indonesia maju ke hadapan.

### **3.6 KESIMPULAN**

Peranan Australia dalam konflik Papua Barat secara keseluruhannya boleh dilihat sebagai negatif, sama ada dinilai oleh Indonesia atau rakyatnya sendiri. Bagi Indonesia, mereka tidak melihat Australia telah melakukan pengorbanan besar untuk mengambil hati Indonesia di samping menghadapi risiko dikecam oleh rakyatnya

---

<sup>54</sup> Fergus Hanson, "Australia and the World: Public Opinion and Foreign Policy", 16.



sendiri, kerana berdasarkan rekod lama Australia, Australia dilihat sentiasa boleh membuat apa-apa yang memenuhi kepentingan mereka dan ia termasuklah kemungkinan mencampur tangan supaya Papua Barat merdeka dan menubuhkan sebuah negara baru. Perkara ini sebenarnya tidak dalam kepentingan Australia, kerana mereka mengkhawatiri Papua Barat yang merdeka atau Indonesia yang berpecah belah akan mempengaruhi keselamatan dalaman Australia. Di satu tangan yang lain, kerajaan Australia dilihat oleh NGO dan rakyatnya sebagai terlalu rapat dan menjaga keutamaan Indonesia sehingga mengabaikan kepentingan Australia dan orang-orang Papua Barat. Kedua-dua keadaan ini sebenarnya menyebabkan dasar-dasar Indonesia Australia sering kali berubah dan dilihat sebagai hilang konsisten.

Keadaan sedemikian berlaku kerana dua faktor penting, iaitu tahap kepercayaan antara kerajaan dengan kerajaan, dan persepsi antara rakyat dengan rakyat Australia-Indonesia adalah sangat lemah, dan ia menyebabkan perasaan saling mencurigai sering terbit apabila sesuatu perubahan yang dilakukan dalam konflik Papua Barat oleh mana-mana pihak. Dasar-dasar yang dirangka Australia sering dilihat sebagai muslihat oleh kerajaan Indonesia mahupun rakyatnya yang menganggap terlalu menjaga hati Indonesia. Untuk mengatasi masalah sedemikian, Australia perlu mempunyai pendirian yang teguh dalam dasar-dasar mereka, dan insiden seperti pelarian Papua Barat pada tahun 2006 harus dielakkan kerana ia akan menyebabkan hubungan kukuh yang sudah terbina akan mengalami penurunan dengan mendadak. Tindakan susulan untuk memperbaiki hubungan dua hala akan memakan masa yang panjang dan ia akan menjadi beban dalam kerja-kerja susulan diplomatik.

Selain itu, kedua-dua kerajaan Australia dan Indonesia perlu bekerjasama untuk memperbaiki hubungan dan persepsi rakyat mereka antara satu sama lain, kerana suara

populer yang menginginkan hubungan dua hala yang baik pasti akan menyenangkan kerja-kerja diplomatik disebabkan kedua-dua kerajaan tidak perlu terlalu mengambil berat terhadap pandangan-pandangan rakyatnya dan terpaksa mengubah dasar-dasar yang baik semata-mata untuk mengambil hati rakyatnya. Sebahagian bantuan dari AUSAID boleh diperuntukkan untuk tujuan ini seperti meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang pendidikan dan interaksi dalam bidang budaya supaya rakyat kedua-dua negara lebih mengenali antara satu sama lain. Kedua-dua kerajaan Australia dan Indonesia juga harus ingat bahawa pendirian dan persepsi rakyat kedua-dua negara tidak harus digambarkan sebagai pendirian kerajaan, dan kedua-dua kerajaan seharusnya berusaha mengatasi masalah ini.

Sebagai sebuah negara maju di rantau ini, Australia juga perlu membantu Indonesia meningkatkan taraf kehidupan orang Papua Barat dan mengatasi masalah-masalah seperti penindasan hak asasi manusia yang menjadi halangan besar kepada orang Papua Barat untuk mengaku mereka sebagai orang Indonesia. Campur tangan Australia dalam bidang politik mengenai masa depan Papua Barat pastinya akan mengundang pandangan negatif Indonesia dan ia tidak dapat membantu menyelesaikan masalah. Sebaliknya Australia perlu mempergandakan usaha mereka sebagai pengantara di antara kerajaan Indonesia dan orang Papua Barat, supaya perubahan yang signifikan dapat dilakukan. Indonesia adalah lebih senang untuk menerima Australia yang mengamalkan pendekatan sedemikian, dan pada akhirnya Australia dapat menjamin kepentingan mereka melalui kestabilan yang dicapai.